

Dr M puas hati ketegasan OIC

BH 14 NOV 2000

Daripada Mahfar Ali

DOHA, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan perubahan sikap Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), yang disifatkannya lebih bersemangat, termasuk berani mengecam Amerika Syarikat, sekutu kuat Israel, secara terbuka.

“Nampaknya kali ini OIC lebih bersemangat, terutama berkenaan isu Palestin. Saya dapati ucapan yang dibuat begitu keras dan mereka (anggota OIC) secara terbuka mengecam Amerika Syarikat.

“Sehingga ada yang mengesyorkan supaya hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat diputuskan jika negara itu memindahkan pejabat diplomatiknya dari Tel Aviv ke Al Quds.

“Saya yakin kalau tidak ada respons kepada pendirian OIC, ramai anggota akan bertindak,” kata Perdana Menteri mengenai sidang kemuncak kesembilan OIC yang berlangsung di sini.

Pada sidang tiga hari

“

Nampaknya kali ini OIC lebih bersemangat, terutama berkenaan isu Palestin. Saya dapati ucapan yang dibuat begitu keras dan mereka (anggota OIC) secara terbuka mengecam Amerika Syarikat

”

– Dr Mahathir Mohamad

bermula semalam, OIC turut mengadakan sesi khas bagi membincangkan perkembangan semasa di Palestin, terutama berhubung keganasan terbaru Israel yang mengorbankan lebih 200 orang setakat ini.

Inilah pertama kali OIC mengadakan sesi khas berhubung isu Palestin pada hari pertama pembukaan sidang kemuncaknya.

Sidang kemuncak yang disertai oleh ketua negara dan delegasi dari 56 negara anggota itu dirasmikan oleh Emir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al

Thani, semalam.

Dr Mahathir yang tiba di sini Sabtu lalu, berucap mewakili kumpulan Asia pada hari pembukaan sidang itu.

Dalam mesyuarat tiga hari Menteri Luar OIC sebelum sidang kemuncak bermula, 56 anggota pertubuhan berkenaan meluluskan draf resolusi meminta negara Islam memutuskan semua hubungan dengan Israel kerana melakukan jenayah perang di Palestin.

Perdana Menteri, yang ditemui pemberita selepas

jamuan bersama rakyat Malaysia di Kelab Diplomatik di sini malam tadi, juga berpuas hati dengan perpaduan anggota OIC yang disifatkan baik.

“Banyak negara sudah mempunyai perwakilan baru kerana ketua negara sudah bertukar. Nampaknya hubungan mereka rapat,” katanya, yang berlepas ke Brunei malam ini bagi menghadiri Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Mengenai pembaharuan OIC yang dicadangkan Malaysia, Dr Mahathir berkata, perkara itu sudah dimasukkan dalam usul dan agenda persidangan.

OIC, katanya, perlu memikirkan satu mekanisme bagi memastikan pertubuhan itu dapat bergerak secara lebih berkesan.

“Kita dapati badan ini terlalu besar sehingga sukar bergerak secara efektif.

“Selalunya kalau terlalu besar, mesyuarat terutama sidang kemuncak sukar diadakan,” katanya.